

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9978

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah judi haram, termasuk Pusat Hiburan Keluarga (PHK), yang telah diberkas, disita, didenda dan ditutup selama-lamanya di Pulau Pinang antara 2013 hingga masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan secara berterusan untuk menangani kegiatan perjudian haram di dalam negara. Di samping melaksanakan "operasi dadu" terhadap premis-premis perjudian, polis turut memantau modus operandi yang digunakan sindiket sejak pertengahan tahun 2015 untuk mencari pelanggan baharu dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp*, *Short Message Service (SMS)* dan laman web atau berselindung di sebalik Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang sah.

Pihak PDRM menghadapi kesukaran untuk mendakwa sindiket-sindiket perjudian di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 kerana memerlukan beban pembuktian yang tinggi dan terpaksa menuduh di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan yang mana hukumannya lebih rendah dan keadaan ini menyebabkan sindiket berani membuka semula pusat-pusat perjudian walaupun telah diserbu berulang kali.

Statistik jumlah serbuan dan tangkapan perjudian Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013 sehingga Jun 2017.

TAHUN	SERBUAN BERJAYA					TANGKAPAN					RAMPASAN				
	MESIN JUDI	LOTERI AWAM	JUDI DLM BANGUNAN	JUDI TEMPAT BEBAS	BOOKIE KUDA / BOLA	MESIN JUDI	LOTERI AWAM	JUDI DLM BANGUNAN	JUDI TEMPAT BEBAS	BOOKIE KUDA / BOLA	MESIN JUDI	LOTERI AWAM	JUDI DLM BANGUNAN	JUDI TEMPAT BEBAS	BOOKIE KUDA / BOLA
2013	424	445	22	36	30	680	483	270	477	55	43185	59519	31382	6786	15524
2014	442	662	7	28	51	610	726	98	323	76	75202	127244	8274	76008	43507
2015	97	1405	6	17	20	410	1568	65	114	36	88404	277793	8147	17543	22867
2016	170	1374	12	22	69	264	1428	124	220	90	25795	144952	19341	69713	151267
JAN-JUN 2017	213	674	9	9	13	265	713	181	67	13	82975	28153	46559	30710	6299
JUMLAH	1346	4560	56	112	183	2229	4918	738	1201	270	315561	637661	113703	200760	239464